



Takaful myPA Care



TAKAFULmalaysia

Produk Kemalangan Diri



Takaful *myPA* Care

Memperkenalkan Takaful *myPA* Care, produk Kemalangan Diri komprehensif yang menyediakan kadar sumbangan berpatutan daripada serendah RM 0.20 sehari.

Kelebihan Produk Ini



PERLINDUNGAN 24 JAM DI SELURUH DUNIA

Melindungi anda sepanjang masa tidak kira di mana anda berada.



PELBAGAI MANFAAT PERLINDUNGAN

Nikmati kesemua 9 manfaat yang disenaraikan tidak kira apa jua pelan pilihan anda.



TIADA PEMERIKSAAN PERUBATAN

Anda tidak perlu melakukan pemeriksaan kesihatan sebelum kemasukan ke hospital.



SUMBANGAN TAHUNAN YANG RENDAH

Perlindungan mampu milik untuk melindungi diri anda untuk sebarang musibah dari hanya RM73/tahunan.

Huraian Manfaat



KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN DAN/ATAU HILANG UPAYA KEKAL

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan dan/atau hilang upaya kekal, jumlah perlindungan sebagaimana mengikut pelan yang telah dipilih akan dibayar.



PERBELANJAAN PENGHANTARAN PULANG

Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan di luar Malaysia, bayaran balik maksimum RM3,000 untuk perbelanjaan penghantaran jenazah pulang ke Malaysia akan dibayar.

Huraian Manfaat

PERBELANJAAN PENGEBUMIAN



Sekiranya berlaku kematian akibat kemalangan, kami akan membayar sehingga RM3,000 untuk perbelanjaan pengebumian atau pembakaran mayat kepada waris terdekat atau wakil undang-undang yang sah.

MANFAAT MINGGUAN UNTUK HILANG UPAYA MENYELURUH SEMENTARA



Sekiranya hilang upaya menyeluruh sementara tersebut menyebabkan anda tidak mampu untuk melakukan tanggungjawab pekerjaan atau perniagaan anda seperti biasa, manfaat mingguan akan dibayar sehingga maksimum 26 minggu.

PERBELANJAAN PERUBATAN



Sekiranya terdapat perbelanjaan perubatan, pembedahan, hospital, rumah jagaan atau fisioterapi yang berkaitan dengan kecederaan anggota badan, perbelanjaan tersebut akan dibayar sebagaimana mengikut jumlah yang perlu ditanggung dan dibayar, tertakluk kepada jumlah maksimum mengikut pelan yang dipilih - yang berkaitan dengan kemalangan tersebut.

ELAUN HOSPITAL HARIAN



Sekiranya anda dimasukkan ke dalam wad di mana-mana hospital kerajaan Malaysia atau swasta, pendapatan harian hospital akan dibayar sehingga maksimum 30 hari daripada tarikh kemalangan tersebut berlaku (dalam tempoh perlindungan), sehingga jumlah maksimum mengikut pelan yang dipilih.

YURAN AMBULANS



Bayaran balik untuk yuran ambulans yang ditanggung akibat daripada kemalangan, maksimum sehingga RM200 bagi setiap kemalangan.

Huraian Manfaat

KECEDERAAN AKIBAT DIRAGUT



Manfaat dalam bentuk wang tunai akan dibayar sekiranya berlaku kecederaan akibat diragut sehingga jumlah maksimum sebagaimana yang dinyatakan di dalam pelan (disahkan dengan Laporan Polis).

PEMBELIAN PERALATAN ORTOPEDIK



Sekiranya anda perlu membeli sebarang peralatan ortopedik akibat kemalangan, bayaran balik sehingga jumlah maksimum seperti yang dinyatakan di dalam pelan akan dibayar.

Spesifikasi bagi Pengelasan

Kelas 1: Pekerjaan pentadbiran profesional, pengurusan, perkeranian dan pekerjaan bukan-manual.

Kelas 2: Pekerjaan bersifat penyeliaan tetapi tidak terlibat dalam kerja buruh kasar.

Jadual Manfaat dan Jadual Sumbangan

Jadual Manfaat

Manfaat	Pelan Siddiq (RM)	Pelan Iltizam (RM)	Pelan Fatamah (RM)	Pelan Amanah (RM)	Pelan Afdhal (RM)	Pelan Takwa (RM)
Kematian Akibat Kemalangan & Keilatan Kekal	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Perbelanjaan Penghantaran Pulang	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Perbelanjaan Pengebumian	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Manfaat Mingguan untuk Hilang Upaya Menyeluruh Sementara (Manfaat Tambahan)	100	150	200	250	300	350
Perbelanjaan Perubatan	3,000	4,000	5,000	6,000	7,000	8,000
Elaun Hospital Harian (Setiap hari dan sehingga maksimum 30 hari)	50	75	100	125	150	175
Yuran Ambulans	200	200	200	200	200	200
Kecederaan Akibat Diragut	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000
Pembelian Peralatan Ortopedik	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000

Jadual Manfaat dan Jadual Sumbangan

Jadual Sumbangan

Sumbangan Tahunan * / Pelan		Pelan Siddiq (RM)	Pelan Iltizam (RM)	Pelan Fatanah (RM)	Pelan Amanah (RM)	Pelan Afdhal (RM)	Pelan Takwa (RM)
Kelas 1	Termasuk manfaat mingguan	75	135	200	265	330	395
	Tanpa manfaat mingguan	60	110	170	225	280	330
Kelas 2	Termasuk manfaat mingguan	130	235	345	450	555	660
	Tanpa manfaat mingguan	110	210	305	400	500	595

*Kadar di atas adalah tidak termasuk 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10 duti setem.

Nota Penting

1. Brosur ini adalah untuk maklumat umum sahaja dan bukan kontrak untuk produk ini.
2. Anda dinasihatkan untuk merujuk pada Helaian Penerangan Produk dan sijil untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting, manfaat, sumbangan dan pengecualian produk untuk pemahaman yang lebih baik sebelum menyertai produk ini.
3. Takaful Malaysia menafikan sebarang liabiliti langsung sekiranya anda mengalami kerugian akibat hanya bergantung kepada maklumat yang dinyatakan di sini.

Pengecualian Am

1. Sukan berbahaya - luncur air, polo, memburu, aktiviti memanjat gunung menggunakan tali, tinju, gusti, perlumbaan selain daripada menggunakan kaki.
2. Perlumbaan atau melibatkan diri dalam pertandingan atau percubaan berunsurkan kepantasan kenderaan.
3. Kecacatan fizikal atau mental yang sedia ada.
4. Bunuh diri/mencederakan diri sendiri.
5. Wabak dan penyakit.
6. Kemabukan disebabkan oleh alkohol atau dadah.
7. Mengandung/keguguran/melahirkan anak.
8. Peperangan dan permusuhan.
9. Ketika melakukan perkara yang salah di sisi undang-undang.
10. Risiko berkaitan nuklear.
11. Pekerjaan dan/atau individu yang terlibat dalam tugas seperti berikut : Juruterbang, Krew Penerbangan, Bomba, Nelayan, Pelumba Motor Profesional, Ahli Sukan Profesional, Pengawal Keselamatan, Pemungggah Kargo, Pekerja Pemusnahan Bangunan, Penyelam, Joki, Pembalak, Pelombong, Tentera/Polis/Pasukan Pengaman (sukarela atau sebaliknya), Penebang pokok, Individu yang berada di dalam pesawat selain daripada penumpang berbayar, Pencuci Tingkap Bangunan Tinggi, dan sebarang pekerjaan yang berbahaya.



TAKAFULmalaysia

Brosur ini adalah untuk maklumat umum sahaja dan bukan kontrak untuk produk ini. Anda dinasihatkan untuk merujuk pada Helaian Penerangan Produk dan sijil untuk maklumat terperinci mengenai ciri-ciri penting, manfaat, sumbangan dan pengecualian produk untuk pemahaman yang lebih baik sebelum menyertai produk ini.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

1300 88 252 385
www.takaful-malaysia.com.my

Diuruskan oleh: Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad 201701032316 (1246486-D) ("Takaful Malaysia") Tingkat 27, Blok Annex, Menara Takaful Malaysia, No. 4, Jalan Sultan Sulaiman, 50000 Kuala Lumpur | Ahli PIDM | Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my/my).